

20 MAY 1999

Malaysia-Indonesia

MAHATHIR DAN HABIBIE BINCANG PEMBANGUNAN, KERJASAMA EKONOMI

BATAM, 20 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Indonesia B.J.Habibie hari ini bertemu untuk memaklumkan pembangunan di negara masing-masing, dan mempertingkatkan kerjasama ekonomi.

Dr Mahathir, yang mengadakan pertemuan peribadi selama 50 minit dengan Habibie sebelum perbincangan peringkat delegasi diadakan, berkata mereka dapat menyelesaikan beberapa isu kecil dua hala yang berkaitan dengan perdagangan dan pembalakan di kawasan sempadan bersama.

"Mesyuarat ini benar-benar bermaksud untuk merapatkan lagi hubungan kita dan mendapatkan maklumat kemas kini mengenai masalah satu sama lain dan bagaimana kita boleh menyelesaikan masalah itu, juga menggalakkan kerjasama dalam bidang ekonomi, kebudayaan dan politik," kata Dr Mahathir pada satu persidangan berita bersama, di sini.

Dr Mahathir menyifatkan lawatannya ke pulau ini sebagai amat berguna dan amat baik bagi Malaysia dan beliau percaya, juga bagi Indonesia.

Ia memberikan mereka peluang untuk memaklumkan keadaan sebenar di negara masing-masing dan beliau gembira mendapati bahawa keadaan itu tidak seburuk seperti yang dilaporkan di dalam media.

Ini adalah mesyuarat dua hala sepenuhnya yang pertama antara Dr Mahathir dan Habibie sejak beliau mengambil alih jawatan daripada Suharto pada Mei lepas. Kali terakhir mereka bertemu ialah pada sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) pada November tahun lepas di Malaysia.

Dr Mahathir diberi sambutan penuh tradisi dan ketibaannya disambut oleh Habibie. Mereka menaiki kenderaan yang sama ke resort tepian laut, Nongsa Point Marina, untuk mengadakan perbincangan itu.

Dr Mahathir juga berkata beliau yakin rakyat Indonesia akan memilih kerajaan yang baik yang akan terus membawa kebaikan kepada Indonesia dan rakyatnya pada pilihan raya umumnya bulan depan.

"Saya sendiri yakin pilihan raya umum itu akan berjalan dengan baik dan akhirnya rakyat Indonesia, yang terkenal dengan semangat kebangsaan mereka, tentu akan memilih pemeritahan yang akan mendatangkan banyak kebaikan kepada Indonesia," katanya.

"Saya yakin rakyat Indonesia yang cinta kepada Indonesia tidak melupakan tanggungjawabnya, dan kita di Malaysia rasa senang kerana kita tahu Indonesia terus maju dan aman," kata perdana menteri.

"Dan Indonesia yang maju dan aman adalah penting bagi keadaan di wilayah ini khususnya bagi perhubungan yang baik antara Malaysia dan Indonesia," kata beliau.

Kedua-dua pemimpin itu kelihatan tenang semasa persidangan berita itu. Habibie yang menyifatkan Dr Mahathir sebagai lebih kanan daripadanya, telah menjemput beliau untuk memulakannya.

Habibie, calon Presiden dari Parti Golkar untuk pilihan raya umum itu, berkata beliau bersyukur kerana dapat bertemu dengan Dr Mahathir dalam keadaan sihat. "Itu yang paling penting bagi saya," katanya.

Habibie, yang diketahui sangat meminati teknologi, berkata adalah wajar bagi Malaysia dan Indonesia, yang mempunyai persamaan dalam pelbagai bidang, untuk meningkatkan kerjasama bagi memperluaskan keberkesanan ekonomi dan meningkatkan produktiviti.

Beliau berkata produktiviti akan menjadi penting memandangkan alaf baru dan globalisasi akan membawa banyak perubahan dan persaingan berikutan

kemajuan pesat teknologi.

Dr Mahathir diiringi oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Habibie pula mengetuai delegasi peringkat tinggi Indonesia termasuk Muladi, Menteri Luar Ali Alatas, Menteri Pertahanan Jen Wiranto, Menteri Koordinasi Ekonomi, Kewangan dan Perdagangan Ginandjar Kartasasmita dan Menteri Industri Rahadi Ramelan.

Sementara itu, Rafidah juga mengadakan mesyuarat peringkat menteri dengan Kartasasmita dan Ramelan manakala Syed Hamid mengadakan pertemuan dengan Ali Alatas.

-- BERNAMA

TCL NAK